

Sejarah Ukiran Kayu dan Hiasan Perahu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia

A Brief History of Woodcarving and Boat Decorations on the East Coast of West Malaysia

MOHD NASRULAMIAZAM MOHD NASIR & ASYAARI MUHAMAD

ABSTRAK

Kegiatan menghasilkan ukiran kayu dan penggunaan hiasan pada perahu di Pantai Timur banyak dipengaruhi oleh warisan budaya dan sejarah yang pernah berlangsung dalam masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu. Penciptaan pelbagai hasil kraf dalam bentuk ukiran kayu dikatakan mempunyai identiti dan makna yang tersendiri. Kesan perkembangan sejarah yang pernah dilalui oleh masyarakat Pantai Timur sejak zaman pra-Islam secara tidak langsung telah mempengaruhi para pengukir untuk menghasilkan bentuk atau tema serta motif yang amat berkait rapat dengan sistem kepercayaan dan suasana persekitaran mereka. Begitu juga dengan peralatan hiasan pada perahu-perahu mereka. Bentuk-bentuk ukiran yang diterapkan pada objek hiasan perahu memperlihatkan betapa pengaruh sejarah dan kepercayaan telah memberi suatu makna yang tersendiri pada setiap hiasan perahu yang dihasilkan para pengukir.

Kata kunci: Hiasan perahu; motif ukiran; budaya perahu

ABSTRACT

The activities of producing wood carvings and the use of decorative on the boats in the East Coast are heavily influenced by the cultural and historical heritage that had taken place in the Malay community in the past. The creation of various craft products in the form of wood carving is said to have its own identity and meaning. The impact of the history of the East Coast community has been indirectly affected by the pre-Islamic era has influenced sculptors and artisan to produce forms, themes and motives that are closely related to their belief systems and surrounding environment. Similar to the decorative equipment on their boats, the engraving forms applied to the boat decorations show how the influence of history and belief has given a distinctive meaning to every boat ornament produced by the carvers.

Keywords: Boat decoration; carving motives; boat culture

PENGENALAN

Seni ukir adalah satu pertukangan tangan yang menjadi tradisi kepada masyarakat Melayu sejak turun temurun lagi. Tradisi mengukir ini bukan sahaja menjadi kebanggaan kepada sesebuah kelompok masyarakat yang menghasilkannya malah memberi nilai seni yang tinggi kepada pencintanya. Ukiran pada kayu dan batu di Malaysia dan negara Asia Tenggara yang lain mungkin telah bermula sejak prasejarah lagi. Di Semenanjung Malaysia, para pengkaji mendapati kegiatan menghasilkan ukiran telah bermula sejak zaman Neolitik lagi. Ini berdasarkan kepada beberapa penemuan tembikar yang mempunyai motif-motif ukiran yang ringkas (Mustapha Muhammad 1982:87). Motif-motif ringkas dan halus seperti bunga teratai pernah ditemui di tapak arkeologi seperti Sungai Johor, Kota Tinggi dan Ulu Tembeling, Pahang. Namun, jangka hayat pada kayu atau balak yang agak rendah dan jarang ada

yang melepasi hayat 200 tahun menyukarkan bukti perkembangan atau kemajuan ukiran kayu untuk diperolehi, lebih-lebih lagi artifak dari 200 tahun.

Bermula sejak zaman pra-Islam, seni ukiran kayu dikatakan telah bertapak di Alam Melayu. Pengaruh dan simbol pada motif-motif ukiran pada zaman tersebut memberi gambaran terhadap pandang dunia (*world-view*) serta sistem kepercayaan masyarakat pada masa itu. Alam Melayu khususnya Kepulauan Nusantara begitu terkenal dengan kehijauan dan keunikan alam semula jadi khususnya sumber hutan. Pohon-pohon yang melatari kepulauan ini telah menyumbang kepada beberapa spesies kayu yang menjadi inspirasi dan sumber kehidupan kepada masyarakat. Daripada sumber inilah, sebahagian besar kelompok masyarakat Nusantara beradaptasi, 'berguru' serta membentuk falsafah tentang alam dan persekitarannya.

Dalam masyarakat Melayu tradisional, hampir semua kegiatan seharian dalam kehidupan mereka

dikaitkan dengan penggunaan bahan kayu. Sumber daripada bahan kayu memberi fungsi yang besar kepada aktiviti seharian termasuk kegiatan ekonomi mereka. Umumnya di daratan sumber kayu digunakan untuk rumah kediaman, alat bercucuk tanam, peralatan dapur, senjata dan sebagainya. Di lautan pula, sumber kayu digunakan untuk membuat perahu, peralatan menangkap ikan dan pelbagai lagi. Berdasarkan keperluan ini juga, masyarakat Melayu tradisional dikatakan memberi 'penghormatan' pada apa yang disebut 'semangat' kayu. Ini sebagai suatu langkah untuk menjaga keharmonian hubungan alam dengan manusia. Lantaran itu juga, pengukir atau tukang kayu pada masa lampau sering melakukan upacara ritual apabila hendak melakukan kerja-kerja menebang pohon kayu.

Kegiatan menghasilkan kraf berasaskan kayu telah bertapak di Alam Melayu sejak zaman sebelum kedatangan Islam iaitu sekitar abad ke-13. Pada masa itu, kebanyakan kraf kayu banyak tertumpu kepada objek yang berbentuk ukiran, manakala para pengukir pula menghasilkan simbol dan motif ukiran mereka berdasarkan pemikiran animisme serta kepercayaan falsafah Hindu-Buddha. Daripada pemikiran inilah akhirnya melahirkan motif dan simbol seperti gunung, kala, makara, naga, stupa dan teratai. (Farish Noor & Eddin Khoo 2003). Motif dan simbol ini kemudiannya diterapkan pada objek-objek ukiran seperti bumbung rumah, pintu gerbang, hiasan perahu dan termasuklah peralatan kecil seperti acuan putu dan hulu keris. Namun setelah bertapaknya Islam secara meluas di Kepulauan Melayu, motif-motif ini telah diubah secara kreatif oleh pengukir kepada motif-motif yang berunsur tumbuhan, geometri dan khat. Perubahan motif ini juga turut menggambarkan bahawa pengukir Melayu pada zaman itu, menzahirkan kreativiti mereka melalui perubahan terhadap sistem kepercayaan masyarakat.

PENGARUH SEJARAH DAN PERKEMBANGAN MOTIF UKIRAN KAYU DI PANTAI TIMUR

Kelantan dan Terengganu ialah dua buah negeri di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu yang berjaya mengekalkan warisan budaya tradisional mereka yang sudah wujud sejak beribu-ribu tahun yang lampau. Daripada sudut sejarah, kegiatan seni ukir terkenal di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan termasuklah Pattani di selatan Thai (Zulkifli Hanafi 2000:2). Pengekalan warisan yang efisien

bukanlah kerana masyarakat Melayu di kedua negeri ini menolak perubahan yang dibawa oleh modenisasi yang dipengaruhi kebudayaan barat, bukan juga kerana mereka mempunyai bakat dan kelebihan istimewa yang membolehkan mereka memelihara warisan budaya yang tidak ternilai tersebut. Sebenarnya, faktor sumber ekonomi dan bentuk geografi seperti hutan dan gunung pada kedua buah negeri ini telah membentuk halangan semula jadi untuk menyekat pengaruh kebudayaan barat yang pada ketika itu sebenarnya sudah pun menguasai negeri pantai barat. Oleh kerana itu, sehingga lebih kurang satu dekad yang lalu, Kelantan dan Terengganu masih agak terasing dan hal ini memungkinkan rakyat dari kedua negeri tersebut meneruskan kehidupan tradisional mereka dan mengamalkan serta menghasilkan kembali amalan dan produk yang ditinggalkan oleh leluhur mereka sejak berkurun lamanya.

Perkembangan sejarah awal mendapati, zaman Hindu-Buddha Kepulauan Melayu mengalami zaman gemilang yang mana banyak berdirinya candi-candi seperti Borobudur, Prambanan, Lembah Bujang dan Angkor Wat. Meskipun ianya dikaitkan dengan perkembangan kepercayaan agama Hindu-Buddha, namun di sisi yang lain ianya menandakan sebagai zaman Melayu Nusantara. Angkor wat yang menjadi lambang kerajaan Khmer sebenarnya dikatakan dibina oleh orang Melayu Champa. Semua bangunan itu bercirikan Nusantara asli bukan gaya Hindu asal, persamaan antara dua elemen Hindu-Buddha dan Nusantara pada bangunan candi hanya dalam teknik *salpasastera* semata-mata tidak dalam seni ukir yang bergayakan *nutaralisme* Nusantara. Dalam zaman Hindu-Buddha seluruh Nusantara ditalikan dalam satu ikatan batin keagamaan yang kadang-kadang bersifat *Siwaisme* dan adakalanya bersifat *Hinayana* dan *Mahayana*. (Abdul Rahman Al Ahmadi 2004:2) Kebanyakan orang Melayu Kelantan dan Terengganu adalah keturunan Melayu Patani yang menurut tuntutan yang dibuat oleh mereka, merupakan peneroka terawal Semenanjung Tanah Melayu bersama-sama dengan Orang Asal. Hampir semua kesenian tradisional dan kraf Kelantan dan Terengganu dipercayai berasal dari Kerajaan Melayu Patani dan Langkasuka, yang sudah wujud sejak awal abad pertama Masihi. Penemuan arkeologi dan juga catatan sejarah Cina sudah mengesahkan Kerajaan Melayu Langkasuka yang tidak terlalu jauh dari Kerajaan Melayu Patani di Segenting Kra sebenarnya mempunyai kuasa ke atas keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu. Pada masa yang sama ianya mempunyai kaitan kebudayaan

yang jelas dengan kerajaan-kerajaan Melayu jiran, terutamanya Kerajaan Champa dan Funan di sebelah utara pada abad pertama tahun Masihi (Wan Hashim Wan Teh 1996:12)

Meskipun menjelang abad ke-13, Kelantan dan Terengganu mula menerima pengaruh agama Islam namun daripada aspek penghasilan budaya material seperti ukiran kayu tetap memperlihatkan berlakunya asimilasi antara pengaruh Hindu-Buddha dan Islam. Lantaran itu juga dapat disimpulkan bahawa bentuk asas atau motif ukiran kayu yang wujud di Kelantan dan Terengganu berasal dari zaman Hindu-Buddha. Menurut Farish Noor & Eddin Khoo (2002), motif-motif yang terdapat dalam ukiran kayu boleh dijadikan sebagai rujukan tentang pengaruh peradaban silam seperti Funan, Srivijaya, Langkasuka, China dan India yang pernah bertapak di Alam Melayu. Secara khususnya simbol-simbol dalam ukiran kayu yang muncul pada zaman Pra-Islam ini membentuk suatu gambaran tentang kepercayaan dan penghormatan masyarakat Melayu kepada dewa-dewa.


Terdapat sekurang-kurangnya tujuh (7) jenis tema utama yang sering dirujuk oleh para pengukir dalam menghasilkan objek atau artifak Melayu khususnya di Pantai Timur. Bentuk-bentuk asas ukiran ini dikatakan berasal sejak daripada zaman Hindu-Buddha. Bentuk-bentuk tersebut ialah *stupa*, *makara*, *kala*, *naga*, *teratai*, *gunungan* dan *geroda*. Dalam hampir semua bentuk hiasan pintu gerbang dalam masyarakat Melayu mempunyai bentuk *stupa*. Ini kerana *stupa* sering dianggap berada di puncak teratas bersama gunungan yang dilambangkan sebagai Gunung Meru. Tema *gunungan* banyak ditemui pada ukiran seperti pintu gerbang, caping perahu, nisan kubur dan mahkota pemain Mak Yong. Dalam masa yang sama *gunungan* turut menjadi lambang kepada pohon beringin atau pohon budi

yang terdapat dalam persembahan wayang kulit serta relief-relief candi kuno di Nusantara.


Manakala bentuk *makara* pula merupakan imej daripada gambaran raksasa laut dalam mitologi Hindu yang penting dalam kosmologi Melayu di Kelantan dan Patani. Ianya dianggap sebagai simbol kesuburan dan kemakmuran. Imej *makara* sering diolah dalam bentuk motif organik dan sering ditemui pada ukiran pemeleh pintu, bangau pada perahu, hulu badek atau kelewang. Kala pula terkenal sebagai penjaga pintu candi atau kuil, tetapi dalam ukiran Melayu *kala* sering dijelmakan sebagai kelopak bunga pada bahagian hadapan pintu gerbang. Manakala bentuk teratai dilambangkan sebagai kemurnian dan ketulenan. Bentuk teratai juga dikenali sebagai pucuk rebung. Motifnya selalu diterapkan pada kaki nisan kubur dan pendokok keris. Bagi tema atau bentuk *naga*, pengukir Melayu sering menggunakan tema ini pada hiasan jebak puyuh, penggesek rebab dan kepala perahu diraja. *Naga* sering menjadi lambang kepada kesuburan dan kebahagiaan. *Geroda* pula dianggap sebagai kenderaan dewa Vishnu dalam mitologi Hindu. Ia menjadi lambang kenderaan bagi golongan atasan terutamanya raja atau anak raja. Dalam sejarah kebudayaan masyarakat Melayu Kelantan, *geroda* lebih dikenali sebagai burung Petala Indera atau gagak sura. Burung Petala Indera ini pernah menjadi kenderaan khas bagi anak-anak Raja Kelantan sewaktu upacara berkhatan sekitar tahun 1930-an.

Jadual di bawah menunjukkan perkembangan dan penggunaan bentuk atau tema pada ukiran kayu sejak zaman Pra-Islam sehingga ke hari ini. Tema-tema ini masih lagi digunakan oleh para pandai ukir Melayu khususnya di Kelantan, Terengganu dan Patani, Thailand sebagai inspirasi dalam menghasilkan ukiran mereka.

JADUAL 1. Bentuk-bentuk ukiran kayu yang berasal dari zaman Pra-Islam di Patani (Thailand) dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia.


Tema/Motif Zaman Hindu-Buddha (Langkasuka)	Tema/Motif
Kala	 <p data-bbox="914 2018 1212 2045">Punca Bunga/ Kelopak Bunga</p>

Makara




Sulur Bayur

Gunungan/ Gunung Meru




Kepala/puncak

Teratai/Padma



Bunga Tanjung

Naga




Tidak digunakan

Geroda/Jentayu



Petala Indera/ Gagak Sura

Stupa



Buah Buton atau Guntong

BUDAYA PERAHU DALAM MASYARAKAT MELAYU PANTAI TIMUR

Masyarakat Melayu di Pantai Timur secara umumnya boleh digambarkan sebagai sebuah masyarakat yang dilingkungi dengan 'dunia laut' serta berkait rapat dengan budaya perahu. Perkara yang paling jelas menunjukkan hubungan masyarakat Melayu dengan budaya perahu ialah peralatan budaya yang digunakan amat berkait dengan laut dan perahu. Perahu dianggap sebagai alat dan lambang perhubungan erat masyarakat maritim dengan laut. Peranan perahu dalam masyarakat begitu penting hingga pengaruh perahu ini menjadi sehati dengan masyarakat tersebut. Justeru itu, kepentingan perahu kepada masyarakat maritim dapat digambarkan melalui penerapan simbol-simbol yang berkait dengan seni bina dan ukiran termasuklah hasil kraf tangan, binaan rumah dan senjata. Di Pantai Timur, kehidupan masyarakat Melayu dengan laut dan perahu dilihat begitu dekat. Mereka dikatakan mempunyai banyak persamaan dalam teknik menangkap ikan, reka bentuk perahu dan hiasan serta upacara-upacara ritual yang berkait dengan laut dan perahu. Menurut kajian Frazer (1960), menyatakan bahawa kampung-kampung besar di persisiran Laut China Selatan (dari Patani hingga Terengganu) akan mengadakan upacara pemujaan, dan penduduk kampung di pesisir pantai Patani akan bertandang ke kampung-kampung besar tersebut untuk menyertai upacara ini. Raymond Firth (1966), masyarakat nelayan adalah sama seperti masyarakat tani kerana mereka mengongsi bentuk dan jenis kesenian yang sama. Bagi mereka yang mendiami kawasan pantai dengan pekerjaan utama sebagai nelayan, akan mengadakan ritual puja atau main pantai dan bagi yang tinggal di pedalaman serta bertani akan menjalankan ritual puja atau bela kampung. Kedua-dua ritual sama ada puja pantai atau bela kampung, menyerlahkan proses yang sama.

Selain daripada kegunaan untuk kegiatan ekonomi para nelayan, perahu turut menjadi simbol status kepada golongan pemerintah. Di Kelantan, perahu menjadi salah satu kenderaan rasmi dalam upacara tertentu oleh golongan Istana di Kelantan khususnya Sultan dan Raja Perempuan Kelantan. Coatalen (1982), menjelaskan terdapat empat (4) jenis perahu dalam masyarakat Kelantan iaitu pertama, perahu Raja, kedua ialah perahu lumba, ketiga, perahu nelayan dan terakhir perahu dalam bentuk model yang digunakan dalam ritual perbomohan.

Ini menunjukkan bahawa budaya perahu bukan sahaja dimiliki dan dikongsi oleh masyarakat pesisir pantai malah di kalangan pemerintah negeri (raja) juga turut mempunyai budaya yang hampir serupa. Peranan raja umpamanya di Kelantan, pada setiap tahun satu upacara berkait dengan perahu turut diadakan sempena menyambut hari keputeraan sultan yang disebut sebagai 'Puja Umur'. Sempena upacara tersebut satu pertandingan ukiran dan hiasan perahu diadakan. Menurut Mustapha Muhamad (1982), Pesta Air di Kelantan akan disambut pada setiap kali menyambut perayaan hari 'Puja Umur' Sultan Kelantan. Dengan adanya Pesta Air yang berlangsung di sepanjang sungai di pinggir Kota Bharu memberi peluang kepada rakyat jelata untuk melihat pertandingan dan pertunjukan *perahu cantik* (perahu yang diukir dan mempunyai hiasan) serta *perahu laju*. Setiap perahu diukir dengan pelbagai ukiran yang mengagumkan berserta nama-nama yang tersendiri. Sebelum berlangsungnya Pesta Air, para pengukir yang mahir telah mengambil masa berbulan-bulan untuk menyiapkan ukiran dan hiasan sesebuah perahu yang bakal dipertandingkan. Setiap perahu yang pertandingan memiliki kecantikan dan keunikan tersendiri dengan pelbagai rupa bentuk kepala pada perahu mereka. Terdapat beberapa bentuk kepala yang sering diukir oleh mereka iaitu seperti burung bangau, raja wali, helang, geroda, ular, naga dan berbagai lagi. Rupa bentuk ini dikatakan membawa maksud tertentu kepada kumpulan (puak) yang menghasilkannya seperti lambang kegagahan dan kejayaan dalam pertandingan tersebut.

Di Istana Kelantan pula, terdapat dua perahu berhias (perahu raja) milik Sultan Kelantan yang disimpan buang sejak tahun 1900. Salah satu daripada perahu tersebut dihias cantik dan bahagian haluan hadapan perahu iaitu kepalanya diukir dengan hiasan kepala burung Jentayu iaitu sejenis burung mitologi Hindu yang disebut dalam epik Ramayana. Pada badan perahu tersebut telah ditulis dengan tulisan jawi yang berbunyi "Ini *perahu Raja Kelantan yang dinamakan dia Pertala Sri Kelantan fi Rabia awal sanat 1319 (1900 Masihi)*".




FOTO 1. Perahu Diraja Kelantan, Pertala Indera Pertala Sri Kelantan atau Sri Mahkota

Sumber: Kajian Lapangan 2015



FOTO 2. Kepala perahu Pertala Indera yang diilhamkan dari mitologi Burung Jentayu dalam epik Ramayana

Sumber: Kajian Lapangan 2015

Perahu berhias kedua pula dinamakan sebagai Pertala Wati yang mana telah dihadaiahkan secara rasmi oleh Raja Siam kepada Sultan Muhammad II (Sultan Long Senik Mulut Merah bin Long Tan) pada tahun 1846. Pertala Wati ini telah dihasilkan di Patani yang kemudiannya dibawa ke Kelantan melalui Kuala Besar. Nama asal perahu ini ialah *Pya Sokong* sebelum Sultan Muhammad II menukarkan kepada nama Pertala Wati. Bahagian kepala perahu telah diukir dengan ukiran kepala itik dan ukuran panjangnya 45 kaki. Kedua-dua perahu ini digunakan untuk menyambut para pembesar kerajaan dari Bangkok yang datang melawat Kelantan. Di samping itu, kedua-dua perahu ini turut digunakan untuk membawa Sultan dan keluarga Diraja pergi untuk berkelah setahun sekali (Coatalen 1982:8)

Apa yang menarik tentang kedua-dua perahu berhias Sultan Muhammad II ialah tentang sifat simbolis pada nama dan ukiran perahu tersebut. Secara simboliknya, nama Pertala Indera menggambar kepada sifat lelaki. Manakala Pertala Wati disimbolkan sebagai sifat perempuan.

Berhubung dengan pemilihan nama-nama perahu dibuat adalah berdasarkan nama burung mitologi yang berada di alam cakerawala iaitu tempat paling tinggi. Ia juga sebenarnya menjadi lambang terhadap kepercayaan bahawa kedudukan dan kuasa pemerintahan Raja yang berada di atas daripada segala lapisan masyarakat. (Coatalen 1982:8)



FOTO 3. Perahu Pertala Wati (Sri Kekayangan)

Sumber: Kajian Lapangan 2015


HIASAN PADA PERAHU

Perahu-perahu tradisional yang terdapat di Pantai Timur pada masa dahulu adalah jenis perahu yang mempunyai hiasan. Kebanyakan nelayan menghias perahu mereka dengan dekorasi tertentu dan diwarnai dengan warna serta motif yang tersendiri. Terdapat beberapa bentuk hiasan yang sering diletakkan pada perahu mereka. Antara hiasan perahu yang paling utama ialah bangau, okok, caping, koyan dan sangga. Setiap bentuk hiasan ini mempunyai fungsi tertentu dan makna yang tersirat di sebalik motifnya. Ismail Ahmad (2003), menyatakan bahawa unsur-unsur seni dapat dilihat pada dekorasi perahu tradisional di Pantai Timur seperti bangau dan okok. Menurut Norhaiza Noordin (2015), adalah amat sukar untuk menentukan bilakah bermulanya penggunaan hiasan perahu di kawasan pantai timur Semenanjung. Kemungkinan besar penciptaan objek hiasan ini berkait rapat dengan perkembangan kerajaan Melayu awal yang berpegang kepada pengaruh Hindu-Buddha seperti Langkasuka dan Kelantan Tua. Kenyataan ini sememangnya ada kewajarannya kerana kebanyakan bentuk hiasan perahu yang digunakan adalah bersifat benda bernyawa dan haiwan mitologi seperti makara, naga, burung dan angsa.

Di samping itu, pengaruh daripada cerita-cerita wayang kulit versi *Ramayana* dan *Mahabrata* turut digunakan sebagai simbol bentuk hiasan pada perahu. Penggunaan bentuk yang pelbagai rupa

ini sememangnya banyak bertitik tolak daripada kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha. Menurut Haris Sukender (1999), ragam hias pada perahu Nusantara masih dianggap mempunyai bentuk dan motif yang dipengaruhi oleh zaman pra sejarah atau zaman Hindu-Buddha. Pada kebiasaannya, ragam hias terdiri daripada motif-motif haiwan, manusia, tumbuhan dan bentuk geometri. Kemunculan ragam hias binatang dan manusia ini sering didukung oleh kepercayaan terhadap adanya kekuatan ghaib dalam tubuh manusia atau haiwan.

Gambaran tentang kedudukan utama hiasan pada perahu iaitu bangau, okok dan caping dapat dilihat menerusi ilustrasi perahu kolek buatan barat yang tertera di bawah:



Gambar 3 Bangau

RAJAH 1. Ilustrasi kedudukan bangau, caping dan okok pada perahu Kolek Buatan Barat

BANGAU

Bangau merupakan salah satu bentuk ukiran untuk perahu. Dalam masyarakat Melayu Pantai Timur, bangau merujuk kepada suatu bentuk yang berukir menyerupai kepala burung berfungsi sebagai panduan arah pelayaran dan diletakkan di hadapan perahu. Bentuk bangau tidak terikat kepada bentuk yang menyerupai kepala burung bangau, malah ada yang menyerupai makara, figurasi watak wayang kulit, burung helang, angsa dan naga. Bangau dalam masyarakat Melayu adalah sejenis burung yang berwarna putih dan berleher panjang. Burung ini hidup mencari makan dengan menangkap ikan. Perkataan bangau pada hiasan perahu diambil sempena nama dan bentuk burung ini (Ismail Ahmad 2003: 136).




FOTO 4. Bangau, Okok dan Caping pada Perahu Payang

Sumber: Koleksi Jabatan Muzium Malaysia

Menurut Nik Hassan Suhaimi (2008) bangau ialah sekeping papan berbentuk seperti penyangkut. Ia bersifat sedemikian kerana mempunyai fungsi untuk meletakkan layar semasa ianya tidak digunakan supaya layar tidak tergolek (jatuh) ke laut. Ia diletakkan di bahagian kiri kepala atau hadapan perahu. Ia diletakkan pada 90 darjah bertentangan dengan arah panjang perahu. Pada kebiasaannya saiz bangau lebih besar daripada okok atau anak bangau iaitu antara 2 inci ke 2 kaki. Mubin Sheppard (1963), menyatakan kemungkinan besar orang Melayu Pantai Timur menggunakan bangau sebagai satu prototaip pada bahagian hadapan perahu kerana sifat burung ini yang memakan ikan. Selain itu, bangau pada perahu disebut sebagai penjaga kapal atau perahu (*sail guard*). Ini kerana kedudukan bangau yang terletak pada bahagian hadapan perahu begitu menonjol terutamanya daripada segi rupa dan motifnya. Ia kelihatan seolah-olah menjadi pengawal bahagian hadapan sesebuah perahu. Perbincangan tentang bangau tidak akan lengkap sekiranya tidak menyentuh dua bahagian utama yang berkaitan dengan bangau iaitu okok dan caping. Ahmad Haji Abdul Ghawi (1994), pula menjelaskan bahawa terdapat tiga bahagian bentuk bangau pada perahu kecil Terengganu. Bahagian terpenting ialah kepala bangau (bangau), anak bangau (okok) dan caping atau camping. Ketiga-tiga elemen ini saling melengkapi apabila dihiaskan pada perahu.

OKOK

Menurut Norhaiza Nordin (2015), dalam kalangan masyarakat nelayan Terengganu dan Kelantan okok dikenali sebagai anak bangau. Okok berbentuk rata dan bertentangan dengan bangau dan lebih kecil daripada bangau antara 2 inci ke 2 kaki. Tema hiasan pada okok pada kedua-dua bahagian muka papan dan diukir bentuk bas relief seperti juga bangau. Mubin Shepard (1963), menyatakan bahawa okok diambil daripada perkataan bongkok atau dalam dialek Terengganu disebut *ongkok*. Bongkok atau okok ini diambil daripada sifat watak semar dalam permainan wayang kulit yang disifatkan sebagai manusia bongkok dari kayangan. Dalam permainan wayang kulit, watak semar digambarkan sebagai manusia separuh dewa yang merupakan pengasuh kepada keluarga pendawa dalam epik Mahabrata, manakala dalam epik Ramayana semar adalah pengasuh kepada Sri Rama. Dalam masyarakat Jawa, semar disimbolkan sebagai penegak kehidupan. Ia sangat dihormati dan dipercayai sebagai sosok spiritual pelindung yang boleh memberi berkat dan keselamatan kepada pemujanya (Andri Setiawan, Sumarno & Sri Handayani 2014: 7).

CAPING

Caping adalah sebahagian sekeping kayu yang diikat pada lunas perahu secara kekal dan kayu tersebut merupakan kayu kerangka hadapan perahu. Nik Hassan Suhaimi (2008), menjelaskan bahawa caping dianggap nadi pada perahu terutamanya perahu kolek buatan barat dan payang buatan barat. Oleh kerana itu, kebanyakan pemilik perahu akan meletakkan *jamuan* dalam bentuk kalungan bunga, limau nipis dan buah pinang pada caping bagi melindungi para *awak-awak* (anak-anak kapal) daripada gangguan hantu laut. Selain itu, menurut kepercayaan masyarakat setempat seperti di Pantai Sabak, salah satu pantang larang penting apabila di atas perahu ialah *awak-awak* di tegah melangkah atau memijak bangau dan caping.

Daripada segi bentuk caping biasanya kelihatan tiga segi ataupun bujur sirih. Bentuknya pula diukir dengan motif pohon budi atau gunung seperti dalam permainan wayang kulit. Bentuk ini adalah suatu gambaran tingkat puncak kejayaan dalam kehidupan. Menurut S. Haryono (1988), gunung atau pohon budi yang melambangkan sumber daya kehidupan. Dalam kepercayaan masyarakat Melayu

rupa bentuk caping yang berbentuk gunung ini turut melambangkan hubungan alam atas (pencipta) dengan alam bawah (dunia/manusia) yang memberi 'tenaga hidup' (semangat) dan keseimbangan dalam kehidupan.



FOTO 5. Caping perahu kolek buatan barat milik Muzium Negara

Sumber: Kajian Lapangan 2014

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan bahawa sejarah seni ukiran kayu khususnya berhubung dengan hiasan perahu adalah berkait rapat dengan peranan daripada pengaruh kepercayaan awal iaitu animisme dan kepercayaan agama zaman Hindu-Buddha. Rentetan sejarah panjang yang berlangsung di kawasan pantai timur dan Segenting Kra telah mempertemukan dua pengaruh besar iaitu dari selatan pengaruh Jawa (Majapahit) dan Srivijaya, manakala dari utara pengaruh kerajaan awal Funan, Khmer, Champa dan Langkasuka-Patani. Pertembungan dan akulturasi budaya ini telah mencambahkan pelbagai jenis kesenian yang menarik seni rupa terutama ukiran pada hiasan perahu. Ukiran kayu dan penggunaan perahu dalam kehidupan masyarakat Melayu terhadap alam laut

kemudiannya dimanifestasikan ke dalam tema-tema hiasan pada perahu yang disimbolkan dengan makna-makna tertentu dalam masyarakat.

Dalam tradisi ukiran Melayu tradisional khususnya di Pantai Timur, simbol kosmos merupakan salah satu unsur utama dalam pemilihan tema reka bentuk dan motif pada sesebuah bentuk ukiran. Ini termasuklah juga ukiran pada bangau. Menurut Haziyah Hussin (2010), pemilihan motif daripada sumber kosmos hanyalah berdasarkan dua perkara, iaitu keunikan dan simbol. Pemilihan motif sumber haiwan pula adalah berdasarkan tiga kepentingan seperti keunikan, sumber makanan dan pengaruh agama Hindu. Siri Neng Buah (2016), beliau menyatakan bahawa pengaruh daripada kebudayaan lampau iaitu animisme dan Hindu-Buddha sedikit sebanyak memberi kesan kepada motif dan ragam hias ukiran kayu di kawasan pantai Timur khususnya Kelantan dan Terengganu. Dalam konteks sejarah, Kelantan dan Terengganu merupakan negeri yang pernah bernaung dan mempunyai hubungan dengan Siam. Malah dalam kitab *pujasastra Negarakertagama* karya Empu Prapanca nama Kelantan, Terengganu dan Pahang turut disenaraikan sebagai negeri-negeri Nusantara yang bernaung di bawah kuasa Jawa (Majapahit) yang pada waktu itu merupakan sebuah kerajaan Hindu di Jawa Timur (Slamet Muljana 2011).

Selain itu, imbasan sejarah juga turut menyaksikan dari sebelah atas (utara) Kelantan dan Terengganu turut berada di bawah kekuasaan Funan, Champa, Khmer dan Langkasuka. Pembauran sejarah ini secara tidak langsung telah membentuk latar budaya serta pemikiran masyarakat sehingga ianya meninggalkan beberapa legasi sebagaimana yang kita dapat saksikan sehingga ke hari ini. Dalam seni ukiran kayu di Kelantan dan Terengganu, menyerapkan motif-motif dan simbol-simbol daripada pengaruh Hindu-Buddha kadang kala dapat dilihat secara nyata dan abstrak. Umpamanya bangau perahu payang yang sering dibentuk dengan tema wayang kulit terutamanya daripada versi Mahabrata, manakala perahu buatan barat pula menggunakan tema-tema haiwan mitologi hindu seperti makara, naga dan hamsa. Secara keseluruhan tema reka bentuk bangau perahu di pantai timur merupakan imej-imej yang dijelmakan dari zaman pra-Islam yang masih tebal dengan pengaruh campuran antara animisme, Hindu-Buddha dan Islam.

RUJUKAN

- Ahmad Haji Abdul Ghawi. 1994. Bangau: ukiran tradisional pada perahu Terengganu. Tesis Jabatan Kaji Sosial (Unit Pendidikan Seni), Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi. 2004. *Tamadun rumpun budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Andri Setiawan, Sumarno & Sri Handayani. 2014. *Eksistensi tokoh semar dalam budaya Jawa*. Digital Repository Universitas Jember, Indonesia. url: <http://repository.unej.ac.id/handle/123456789/63056> [diakses pada 10 Mac 2018].
- Ismail Ahmad. 2003. *Pengangkutan di air dalam budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farish A. Noor & Eddin Khoo. 2003. *Spirit of Wood: The art of Malay woodcarving*. Singapore: Periplus Edition (HK) Ltd.
- Haris Sukender .1999. *Perahu tradisional Nusantara: tinjauan melalui bentuk dan fungsi*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Mubin Sheppard. 1963. Bangau: the decorative guards for sails and spars on Malay fishing boats. *Federation Museums Journal* VIII: 1-12.
- Mustapha Mohammad. 1982. *Perkembangan seni ukir*. Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan II. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Paul J. Coatalen. 1982. *The decorated boats of Kelantan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Raymond Firth. 1966. *Malay fisherman: their peasant economy*. London: Routledge and Keagan Paul.
- S. Haryanto. 1988. *Pratiwimba adiluhung sejarah dan perkembangan wayang*. Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Slamet Muljana. 2006. *Tafsir sejarah: Negara Kretagama*. LKiS: Yogyakarta.
- Thomas M. Frazer Jr. 1960. *Rusembilan: A Malay fishing village in Southern Thailand*. New York: Cornell University Press.
- Wan Hashim Wan Teh. 1996. *Malay handicraft industries: origin and development*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zawiyah Baba. 2010. Seni ukiran Melayu sebagai hiasan pada perahu tradisional di Semenanjung Malaysia. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (pnyt.). *Warisan seni ukir kayu Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- Zawiyah Baba. 2010. Perbandingan reka bentuk corak dan motif Melayu dalam tekstil dan ukiran kayu. Dlm. Haziyah Hussin. *Warisan seni ukir kayu Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- Zulkifli Hanafi. 2000. *Pola-pola hiasan di dalam bangunan tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Temu bual
- Norhaiza Noordin. 2015. Sejarah, falsafah dan jenis-jenis tema bangau pada perahu. Besut, Terengganu. 14 Mei dan 30 Ogos.
- Siri Neng Buah. 2015. Sejarah Kebudayaan Melayu Pantai Timur. Tumpat, Kelantan. 22 Mac.

Mohd Nasrulamiazam Mohd Nasir
Kurator Kanan
Jabatan Muzium Malaysia
@
Pelajar Pasca- Siswazah
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: nasrulamiazam@jmm.gov.my

Asyaari Muhammad (PhD)
Felo Penyelidik Kanan
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: asyaari@ukm.edu.my

Diserahkan: 10 Mac 2018
Diterima: 29 Jun 2018